☑ Sinar Harian
☐ Sinar Ahad

Tarikh: 1/5/2012

Hal: _____ M/S: U10

Ruangan: KUBANG PASU

Ekspresi seni foto di Bengkel Fotografi

KUBANG PASU- Orang ramai yang berminat untuk mengekspresikan kreativiti seni foto berlatar belakang keindahan alam semula jadi Gunung Jerai boleh berbuat demikian sempena Bengkel Fotografi yang akan diadakan pada 8 hingga 10 Mei ini.

Bengkel anjuran Uniutama Film Centre (Unifilm), Universiti Utara Malaysia (UUM) itu akan memberi pendedahan mengenai penggunaan teknik fotografi yang betul kepada mereka yang berminat untuk menjadikannya sebagai hobi mahupun kerjaya.

Bengkel berkenaan bakal menampilkan jurugambar profesional, Sailor Salleh dan Zain Mohamad yang telah lama menoeburi bidang fotografi untuk berkongsi rahsia mengenai tips dan cara bagaimana memulakan perniagaan dalam bidang fotografi.

Penyertaan dibuka sehingga 3 Mei 2012. Bagi mereka yang berminat untuk menyertai bengkel ini boleh menghubungi Nur Diyana Abd Razak di talian 04-928 3076/ 011-1258 4977.

Penganjur menunjukkan poster sempena bengkel berkenaan.